



**Manuscript Title:** Dari Rusuhan Kaum Ke COVID-19: Evolusi Peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Di Malaysia Dalam Menangani Krisis Negara

**Authors:** Siti Sabrina Imji Rahim and Mohd Ikbal Mohd Huda

**Accepted Date:** 11-December-2023

**Please cite this article as:** Siti Sabrina Imji Rahim and Mohd Ikbal Mohd Huda. Dari rusuhan kaum ke COVID-19: Evolusi peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Malaysia dalam menangani krisis negara. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

## **DARI RUSUHAN KAUM KE COVID-19: EVOLUSI PERANAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) DI MALAYSIA DALAM MENANGANI KRISIS NEGARA**

### ***FROM RACIAL RIOTS TO COVID-19: THE ROLE EXOLUTION OF NATIONAL SECURITY COUNCIL (NSC) IN DEALING WITH THE NATIONAL CRISIS***

**Siti Sabrina Imji Rahim<sup>1\*</sup> and Mohd Ikbal Mohd Huda<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: teenasabrina@gmail.com

#### **ABSTRACT**

*National security structure has undergone a major evolution change with the development of health sector that is now becoming part of national security issue. The National Security Council (NSC) is the main coordinating agency that handles national security issues. Looking back on the NSC's establishment history, it was first established on May 16, 1969, as National Movement Council (MAGERAN), to deal with racial riot that occurred on May 13, 1969, as well as improving public safety and national defense. MAGERAN was then replaced by NSC on February 23, 1971, to coordinate policies related to national security and give instructions on security. With the passage of time and the growing of diverse contemporary security threats by era, NSC's functions and roles have expanded. Over time, the NSC's roles expanded to handle diverse contemporary security threats. With the global Covid-19 pandemic posing a significant national security threat, the NSC has been tasked with coordinating response. This article will explain the development and evolution of NSC's role and function in handling national security issues starting from its establishment as MAGERAN in 1969 until now, 2023. The study found that NSC successfully carries out their responsibilities but needed to make changes or reforms, to deal with the challenges and inherent weaknesses.*

**Keywords:** Security structure evolution, health, MAGERAN, NSC, reform

## **ABSTRAK**

*Struktur keselamatan negara mengalami satu evolusi perubahan yang besar dengan perkembangan sektor kesihatan kini telah menjadi sebahagian daripada isu keselamatan negara. Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan agensi penyelaras utama yang mengendalikan isu-isu keselamatan negara. Mengimbas kembali sejarah penubuhan MKN, ianya mula ditubuhkan pada 16 Mei 1969 sebagai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) rentetan berlakunya peristiwa perbalahan kaum pada 13 Mei 1969. MAGERAN ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan keselamatan awam dan pertahanan negara. MAGERAN kemudiannya digantikan dengan MKN pada 23 Februari 1971 untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan memberi arahan mengenai keselamatan. Dengan peredaran masa dan ancaman keselamatan kontemporari yang semakin berkembang dan pelbagai mengikut era, fungsi dan peranan MKN telah diperluaskan. Kini, dengan melandanya pandemik Covid-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia di mana ianya telah mengancam keselamatan negara dan menjadi satu isu keselamatan, MKN telah diberi mandat sebagai agensi yang menyelaras isu pandemik Covid-19. Artikel ini akan menerangkan mengenai perkembangan dan evolusi fungsi dan peranan MKN dalam mengendalikan isu keselamatan negara bermula dari penubuhannya sebagai MAGERAN pada tahun 1969 sehingga kini, tahun 2023. Hasil kajian mendapati bahawa MKN berjaya menggalas tanggungjawab yang diberikan namun perlu melakukan perubahan atau reformasi bagi menangani cabaran dan kelemahan yang wujud.*

**Kata kunci:** Evolusi struktur keselamatan, kesihatan, MAGERAN, MKN, reformasi

## **PENGENALAN**

Keselamatan negara Malaysia seperti yang digariskan dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025 merujuk kepada suatu situasi bebas daripada sebarang ancaman terhadap nilai-nilai teras negara sama ada ianya ancaman dari dalam atau luar negara. Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa bukan sahaja negara ataupun isu ketenteraan sahaja yang boleh mengugat keselamatan sesebuah negara namun juga isu-isu lain seperti isu ekonomi, alam sekitar, masyarakat, sosial bahkan politik. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan Malaysia untuk menjaga keselamatan negara yang boleh terancam apabila berlakunya ancaman ketenteraan mahupun bukan ketenteraan.

Dalam struktur pentadbiran keselamatan negara, ianya dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Oleh itu, amatlah penting untuk kajian berkaitan peranan MKN menangani krisis negara dilaksanakan supaya pengetahuan mengenai bagaimana negara menangani krisis ini dapat difahami. Lebih-lebih lagi MKN hanya mula dikenali semasa menggalas peranannya menyelaras Pandemik Covid-19. Sebelum ini, rakyat hanya mengetahui ianya ditangani oleh agensi-agensi pelaksana barisan hadapan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan lain-lain. Jurang ketidaktahanan ini memerlukan perubahan dalam peranan MKN sebagai agensi utama penyelaras keselamatan negara, agar ianya lebih diketahui, selaras dengan apa yang digariskan dalam DKN 2021-2025 iaitu keselamatan negara tanggungjawab bersama. Apabila ianya tanggungjawab bersama, peranan MKN perlu ditonjolkan.

Jika dilihat kepada kajian-kajian lepas, perubahan juga perlu dilaksanakan oleh MKN di negara-negara luar. Heidi B. Demarest & Erica D. Borghard (2018) menyatakan bahawa Akta Keselamatan Negara AS 1947 perlu direformasi untuk menghadapi cabaran yang lebih serius dalam persekitaran keselamatan negara kontemporari. Keperluan reformasi sistem pengurusan keselamatan turut disokong oleh Celia G. Parker (2020) yang menyatakan bahawa MKN UK perlu diubahsuai dan ditambahbaik demi menguruskan Pandemik Covid-19 di UK dengan lebih berkesan. Aysegul Kars Kaynar (2017) pula menyatakan reformasi MKN Turki telah berjaya membawa pembaharuan dengan memberi kuasa kepada orang awam dalam mengutarakan kepentingan keselamatan negara.

Perubahan yang dilaksanakan turut menunjukkan kejayaan seperti dalam kajian Mayumi Fukushima & Richard J. Samuels (2018) yang menyatakan MKN Jepun telah mencapai tahap keberkesanan yang mengejutkan setelah meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan serta menggubal undang-undang, sehingga isu-isu keselamatan dapat diselesaikan dengan pantas/segera berbanding sebelumnya, yang mengambil masa beberapa hari.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan Kaedah Kualitatif yang merupakan kaedah kajian melalui pencarian, penerangan dan pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kaedah ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi serta memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum mengenai apa jua tindakan sosial.<sup>1</sup> Kaedah pengumpulan data kualitatif yang biasa digunakan adalah seperti pemerhatian, temubual dan analisis

dokumen.<sup>2</sup> Data kualitatif dibahagikan kepada data primer dan data sekunder. Data primer merupakan bahan-bahan asal seperti dokumen sejarah dan laporan rasmi kerajaan. Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada jurnal artikel akademik, buku atau kertas persidangan. Oleh itu, Kaedah Kualitatif akan digunakan oleh penulis melalui temu bual dengan pegawai kanan kerajaan, swasta dan NGO/rakyat serta analisis dokumen daripada dokumen/laporan rasmi Kerajaan khususnya MKN termasuk Laman Rasmi dan Sosial MKN, jurnal, artikel dan berita.

## **STRUKTUR ORGANISASI DAN PUNCA KUASA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)**

MKN merupakan sebuah Majlis yang dianggotai oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis, Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi Majlis dan kemudian dibantu oleh Menteri-Menteri yang bertanggungjawab mengenai pertahanan, Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal dalam Negeri, Menteri yang bertanggungjawab mengenai komunikasi dan multimedia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan Ketua Polis Negara (IGP). Carta keanggotaan MKN adalah seperti di Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Keanggotaan MKN  
Sumber: Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776)


Fungsi Majlis bagi MKN adalah untuk membuat dasar dan langkah strategik berhubung keselamatan negara merangkumi kedaulatan, integriti wilayah, pertahanan, sosio-politik, ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara, memantau pelaksanaan dasar dan langkah strategik berhubung keselamatan negara, menasihati Perdana Menteri bagi pengisytiharan Kawasan Keselamatan

(kini pengisytiharan oleh Agong) dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan negara bagi maksud pelaksanaan Akta MKN 2016.

Kuasa Majlis pula adalah mengawal dan menyelaras tindakan semua Agensi Kerajaan termasuklah Pasukan Keselamatan dan mengeluarkan apa-apa arahan kepada semua Agensi Kerajaan termasuklah Pasukan Keselamatan berhubung perkara yang melibatkan keselamatan negara.

MKN merupakan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), iaitu dibawah naungan Perdana Menteri Malaysia. MKN mempunyai cawangan hampir di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak. MKN diketuai oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara (KPKN) dan dibantu oleh dua (2) Timbalan yang masing-masing mengendalikan berkaitan Pengurusan Keselamatan dan Keselamatan Strategik. Struktur pengurusan atasan ini disokong oleh Penasihat Undang-Undang, Juruaudit Dalaman dan Pengarah-Pengarah Bahagian. Terdapat sebanyak dua belas (12) bahagian yang ditubuhkan di bawah MKN.

Bagi memastikan keselamatan negara dikendalikan secara holistik, setiap negeri di Malaysia mempunyai MKN peringkat negeri yang diketuai oleh Pengarah Keselamatan Negeri (PKN). Mekanisme ini menyediakan MKN dengan kapasiti yang efektif bagi menangani apa jua isu berkaitan keselamatan dari peringkat akar umbi. Struktur organisasi MKN adalah seperti Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Struktur Organisasi MKN  
Sumber: Olahan pengkaji berdasarkan pengalaman berkhidmat di MKN

Punca kuasa kepada MKN adalah Arahan MKN No. 1 yang bersandarkan kepada Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979 yang menjelaskan pembentukan dan tanggungjawab MKN. Kemudian MKN mempunyai sebanyak 21 Arahan yang

dikeluarkan sebagai panduan bagi menangani pelbagai ancaman-ancaman keselamatan seperti kemasukan pelarian, kerjasama dua hala keselamatan dan pembangunan sempadan, kawalan keganasan, ketenteraman awam dan pengurusan krisis dan bencana.

Pada Disember 2015, Rang Undang-Undang (RUU) MKN 2015 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen. Pada Julai 2016, Akta MKN 2016 diwartakan. Pada 1 Ogos 2016, Akta MKN 2016 dikuatkuasakan sebagai satu Akta utama yang memayungi kesemua 21 Arahan MKN tersebut. MKN turut mengeluarkan DKN pada tahun 2017 dan diperbaharui semula pada tahun 2021 sebagai panduan dan rujukan utama Kementerian/Agenzi Persekutuan dan Negeri dalam penggubalan/semaikan dasar-dasar sedia ada bagi mengurus dan menghadapi ancaman keselamatan negara yang semakin dinamik dan kompleks. Carta alir penggubalan Dasar, Arahan dan Akta MKN adalah seperti Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Carta alir penggubalan Dasar, Arahan dan Akta MKN  
Sumber: Dokumen Rasmi MKN

Menurut Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Rodzi Md Saad, MKN merupakan satu Jawatankuasa Eksekutif bersifat ekslusif yang diketuai oleh Perdana Menteri (PM), dan dianggotai oleh 6 ahli. Struktur MKN sehingga kini tetap sama. Namun, perubahan-perubahan berlaku dari segi peranan, skop dan tanggungjawab yang semakin meluas, mengikut cabaran semasa.<sup>3</sup>

Hasil temu bual pengkaji dengan pihak Kerajaan, swasta dan NGO mengenai sejauhmana kefahaman mereka mengenai fungsi dan peranan MKN dan perbezaannya dengan agensi-agensi lain, Kaisan Bin Kassim, Pengurus Sokongan Strategik, Bahagian Keselamatan Kumpulan Petronas, menyatakan beliau amat jelas dengan fungsi dan peranan MKN yang mana ianya merupakan agensi tuggak dalam mengkoordinasikan isu-isu keselamatan dalam negara serta menggariskan polisi serta arahan keselamatan di peringkat yang tertinggi, bagi pelaksanaan di peringkat agensi-agensi keselamatan selanjutnya.<sup>4</sup> Bagi Ahmad Harris Bin Azizool Arif Pengurus Kanan (Pegawai Khas Kepada Pengarah

Urusan), Pejabat Pengarah Urusan, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), beliau juga jelas dengan fungsi dan peranan MKN setakat yang sedia ada berdasarkan pengalaman berurusan dengan MKN terutamanya ketika Pandemik Covid-19 melanda pada 2020.<sup>5</sup>

Namun, temu bual dengan seorang pegawai UNHCR (tidak mahu nama disiarkan) melihat fungsi MKN ini seperti *Central Intelligence Agency* (CIA) dan MI6 (*Military Intelligence, Section 6*). Beliau merasakan adalah baik dan sepatutnya negara mempunyai MKN. Namun, keluarga beliau sendiri tidak mengetahui fungsi MKN. Sesetengah ahli keluarganya menganggap MKN adalah di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) tetapi beliau menjelaskan bahawa MKN adalah di bawah JPM. Beliau berpandangan ketidaktahuan ini adalah disebabkan bidang tugas MKN tidak berkaitan dengan kehidupan mereka. Beliau berpandangan MKN sangat relevan tetapi masih perlu dibuat reformasi. Untuk kekal relevan, MKN perlu lebih proaktif dan progresif serta meningkatkan keterlihatan (*visibility*) bagi meningkatkan lagi kepercayaan rakyat kepada MKN. Sekiranya kurang *visibility*, rakyat akan mempersoalkannya. Dengan meningkatkan *visibility*, MKN boleh bersuara dan rakyat tidak akan mempersoalkannya.<sup>6</sup>

Kamaruddin Kassim, Pengarah Bahagian Korporat, NGO Yayasan Ikhlas pula menyatakan fungsi dan peranan MKN adalah sebagai peneraju keselamatan negara. Dr. Mahesh Appannan, *Head of Data, Crisis Preparedness & Response Centre* (CPRC), yang merangkap Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalan Penyakit CPRC, KKM juga pada dahulunya sebelum bekerjasama dengan MKN dalam menguruskan Pandemik Covid-19, beliau cuma mengetahui peranan MKN adalah dalam menangani bencana alam berdasarkan Arahan MKN No. 20.<sup>7</sup>

Pengkaji melihat pandangan oleh pihak kerajaan, swasta, rakyat dan NGO ini berpunca dari kelemahan MKN yang tidak mewar-warkan peranannya (terlalu berahsia) serta ketidakfahaman agensi terhadap Arahan MKN. Kemudian masih ramai yang tidak memahami bahawa MKN hanya agensi penyelaras dan pelaksanaannya oleh agensi-agensi pelaksana seperti yang termaktub dalam Akta dan Arahan MKN. Ketidaktahuan ini juga melibatkan pegawai kerajaan itu sendiri.

Dr. Nazira Binti Abdul Rahman, bekas Pengarah Bahagian Korporat dan Dasar (BKD), MKN, menyatakan ianya juga disebabkan MKN bertindak di belakang tabir.<sup>8</sup> Tajul Ariffin Bin Muhamad, Pengarah Bahagian Pengurusan Krisis Dan Perisikan Negara (BPPKN), MKN menyatakan orang ramai dan media tidak mengetahui dan menyatakan penglibatan MKN kerana MKN bertindak di peringkat strategi dan operasi kerahsiaan.<sup>9</sup>

## **MKN SEBAGAI AGENSI PENYELARAS UTAMA KESELAMATAN NEGARA**

### **Asal Usul MKN dan Pencetus Krisis: Rusuhan Kaum 1969**

Jika dilihat kepada sejarah MKN, MKN pada asalnya dikenali sebagai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) di mana MAGERAN ditubuhkan pada 16 Mei 1969 rentetan berlakunya tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Sebagai MAGERAN, fungsi MKN adalah bagi meningkatkan keselamatan awam dan pertahanan negara.

Insiden 13 Mei 1969 telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh DYMM YDP Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlombagaan Persekutuan. Pengisytiharan tersebut telah memberi kuasa kepada MAGERAN untuk membantu Perdana Menteri merangkap Pengarah Gerakan Negara bagi mengukuhkan keselamatan awam, pertahanan negara dan memelihara ketenteraman awam, bekalan-bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan penting negara dalam usaha memulihkan negara kepada keadaan aman dan harmoni.

Nor Azlah Sham Bt Rambely & Rashidah Mamat (2017) dalam kajian mereka menyatakan bahawa konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu meletus sehingga ke tahap serang-menyerang dan bunuh-membunuh, di mana situasi ini amat membimbangkan. Dalam kajian berlainan Nor Azlah bersama Mohamed Ali Haniffa (2018) menyatakan ianya berpunca dari semangat perkauman dan ketidakpuasan hati berhubung isu-isu yang bercorak politik dan budaya serta pemikiran yang berbeza. Namun kajian oleh Ishak Saat (2013) menyatakan penubuhan MAGERAN dan beberapa langkah baru yang diambil dapat membendung rusuhan ini dan berjaya memulihkan keadaan. Mohd Sohaimi Esa & Romzi Ationg (2020) turut menyatakan MAGERAN telah mengembalikan semula keamanan negara dan kepercayaan antara kaum. Rodzi Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara turut menyokong kenyataan-kenyataan ini dengan menyatakan kewujudan MAGERAN telah menunjukkan kejayaan dalam menangani ancaman ketenteraman awam yang berlaku.<sup>10</sup>

Dapat dilihat dalam era penubuhan MAGERAN ini, ianya lebih berfungsi dalam mengawal isu-isu yang berkaitan perbalahan kaum di antara kaum Melayu dan bukan Melayu. Sekiranya isu perbalahan kaum ini tidak ditangani, maka Malaysia yang telah merdeka selama 12 tahun sebelum isu ini timbul mungkin mampu terjejas semula.

Apabila keadaan bertambah baik, MAGERAN dibubarkan pada awal tahun 1971. Walau bagaimanapun, Kerajaan merasakan kewujudan badan/agensi yang

bertanggungjawab untuk pengurusan hal-hal keselamatan di peringkat nasional, negeri dan daerah masih diperlukan kerana terdapat ancaman komunis dan hubungan antara kaum juga masih rapuh.

### **MKN dan Pengurusan Krisis Pada Era Antara 1970-an Sehingga 1980-an**

Oleh itu, Jemaah Menteri pada 23 Februari 1971 telah bersetuju untuk menujuhkan MKN secara rasminya pada 7 Julai 1971, melalui mesyuarat Bil. 83/750/71 pada 31 Julai 1971 dengan memutuskan:

*“The establishment of a National Security Council”*

Yang menghuraikan peranan MKN seperti berikut:

*“Since the future racial peace in this country depends on how well the government handles the sensitive issues, it is suggested that the NSC shall be the body to look into the matter.”<sup>11</sup>*

Penubuhan MKN adalah bagi memastikan terdapat satu badan urusetia yang dapat menjalankan tugas secara berkesan yang diletakkan di bawah JPM dan dikenali sebagai Pejabat MKN, JPM sehingga kini. MKN yang ditubuhkan ini berfungsi untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan memberi arahan mengenai keselamatan termasuk pergerakan keselamatan, keamanan awam dan semua perkara yang berkaitan dengan keselamatan di seluruh negara di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Pada era ini, antara krisis keselamatan negara yang berlaku dan diselaraskan oleh MKN adalah pada tahun 1970-an, lebih daripada 250,000 pelarian Vietnam tiba di Malaysia dengan menggunakan bot di mana Kerajaan Malaysia terpaksa mencari satu kawasan khas untuk menempatkan pelarian-pelarian ini iaitu di Pulau Bidong, Terengganu. *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) juga kemudiannya dijemput oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi membantu menguruskan pelarian Vietnam untuk ditempatkan ke negara ketiga. Kerajaan Malaysia dengan bantuan UNHCR kemudiannya telah berjaya menempatkan semula kira-kira 240,000 pelarian Vietnam ini ke negara-negara ketiga termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Perancis, New Zealand, Sweden, Finland, Denmark dan Norway. Lebih daripada 9,000 orang pula telah dihantar kembali ke Vietnam. Kemudian pada tahun 1970-an hingga 1980-an, kira-kira 50,000 pelarian muslim Filipina telah mendapatkan perlindungan di Sabah setelah melaikkan diri dari konflik di Mindanao. Pada tahun 1980-an, beribu pelarian muslim Kemboja telah ditawarkan perlindungan sementara di Malaysia.<sup>12</sup>

Krisis lain adalah berkaitan dengan perampasan bangunan *American Insurance Associates* (AIA) pada 4 Ogos 1975 oleh kumpulan pengganas Jepun iaitu *Japanese Red Army* (JRA) atau Tentera Merah Jepun di mana JRA telah menahan sebanyak 53 tebusan rakyat Malaysia dan juga warga asing dari negara Amerika Syarikat dan Sweden. Penahanan ini dilakukan oleh JRA sebagai strategi revolusi untuk mendesak agar Malaysia berunding dengan Kerajaan Jepun bagi membebaskan lima (5) orang pemimpin mereka dari penjara Jepun. Pihak Malaysia berjaya melakukan rundingan melalui Menteri Dalam Negeri Malaysia dengan Kerajaan Jepun di mana Kerajaan Jepun telah bersetuju untuk membebaskan kesemua 5 orang pemimpin JRA tersebut dan kesemua 53 orang tahanan telah dibebaskan oleh pihak JRA. Tiada kematian yang berlaku namun terdapat seorang rakyat Malaysia yang ditembak di kepala dan mengalami kecederaan di mana beliau ketika itu bertugas sebagai pengawal keselamatan yang menjaga bangunan AIA. Dalam penyelesaian krisis ini, rundingan awal dibuat oleh Menteri Komunikasi tetapi tidak berhasil. Timbalan Menteri Pengangkutan dan Setiausaha Agong Kementerian Dalam Negeri juga terlibat dalam menjadi tebusan sebagai pertukaran bagi mengiringi 5 pemimpin JRA.<sup>13</sup>

Daripada 2 krisis keselamatan negara yang berlaku di era ini, dapat dilihat isu keselamatan negara telah berubah daripada isu berkaitan perbalahan kaum kepada isu pelarian dan keganasan (*terrorism*). Dalam isu pelarian Vietnam, peranan MKN adalah melalui inisiatif bersama-sama dengan KLN, Kerajaan Negeri Terengganu dan lain-lain agensi yang terlibat dalam usaha menempatkan pelarian Vietnam di sebuah pulau yang tidak didiami bagi membantu mereka yang terpaksa lari dari negara asal melalui jalan laut untuk menyelamatkan diri daripada perperangan. MKN turut mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 10: Pasukan Petugas Pendatang-Pendatang Haram Vietnam pada 8 Disember 1978 yang ditandatangani oleh Hussien Onn, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu sebagai panduan dalam menangani pelarian Vietnam tersebut.

Bagi isu rampasan bangunan AIA oleh pengganas Jepun pula, KDN merupakan agensi yang berjaya menangani isu ini melalui perundingan.<sup>14</sup> Jika dibandingkan dengan keadaan pentadbiran negara kini, segala perundingan dengan negara luar dilaksanakan oleh KLN dan penyelarasaran keselamatan oleh MKN. Inisiatif MKN adalah dengan mewujudkan Arahan MKN No. 18 iaitu Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (*Terrorism*) sebagai panduan bagi menangani keganasan namun ianya dikeluarkan pada era seterusnya iaitu 26 Ogos 1991.

Arahan yang turut dikeluarkan pada era ini adalah Arahan MKN No. 1 iaitu Penubuhan MKN pada 31 Julai 1971 namun telah dimansuhkan dan ditukar menjadi Arahan MKN No. 9 iaitu Pemerintahan dan Kawalan Perkara-Perkara Keselamatan pada 24 September 1974. Bagi mengawal dan menguruskan isu

sempadan darat Malaysia dan Thailand, MKN telah mengeluarkan Arahan MKN No 11 iaitu Rancangan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) di Perbatasan Malaysia-Thailand yang dikeluarkan pada 5 Februari 1980.

Perubahan isu keselamatan ini menunjukkan ancaman keselamatan yang melanda negara tidak boleh dijangka dan ianya boleh berubah mengikut peredaran masa. Jika dibandingkan dengan era sebelum ini, ancaman lebih berbentuk ancaman dalaman iaitu di antara kaum di Malaysia sedangkan pada era ini, ianya telah melibatkan isu pelarian dan pengganas iaitu satu bentuk ancaman luar dari negara Vietnam, Jepun, Filipina dan Kemboja. Kemasukan ancaman baru ini memerlukan MKN untuk mengkaji semula fungsi dan peranannya di mana penubuhan MKN menggantikan MAGERAN pada asalnya secara spesifik adalah bagi menghadapi ancaman komunis dan disebabkan hubungan antara kaum semakin rapuh namun ianya telah berubah dan berkembang menjadi lebih luas melibatkan kemasukan rakyat daripada negara luar.

Dalam krisis berkaitan pelarian, Dr. Nazira berpandangan bahawa tahap koordinasi MKN dengan agensi-agensi adalah baik.<sup>15</sup> Dalam krisis keganasan AIA, Tajul menyatakan ianya cukup ditangani oleh PDRM sahaja dan tidak memerlukan penglibatan pelbagai agensi. Pada ketika itu, MKN masih dalam peringkat dasar dan strategi serta sedang dalam tempoh pembelajaran untuk mengeluarkan Arahan yang sesuai. MKN juga bertindak sebagai agensi yang menerajui dan di bawah MKN, terdapat banyak agensi-agensi keselamatan yang bertindak sebagai pelaksana, termasuk PDRM.<sup>16</sup> Namun Dr. Nazira menyatakan ianya disebabkan MKN kurang maklumat dan peranan MKN adalah melalui mesyuarat-mesyuarat penyelaras tetapi tidak ditonjolkan.<sup>17</sup>

### **MKN dan Pengurusan Krisis Pada Era 1990-an**

Pada era ini, pelbagai jawatankuasa telah ditubuhkan bagi membantu MKN dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya. Jawatankuasa-jawatankuasa ini meliputi semua aspek keselamatan negara. Antaranya adalah Jawatankuasa Perisikan Negara, Jawatankuasa Perancang Gerakan, Jawatankuasa Geraksaraf dan Perangsaraf, Jawatankuasa Kawalan Ketenteraman Awam, Jawatankuasa Am Sempadan (Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia) dan Jawatankuasa Kawalan Keganasan serta satu unit khas iaitu Pasukan Petugas Khas Persekutuan untuk Sabah dan Labuan (PPKP S/L) bagi pengurusan PATI.

Krisis pada era ini masih melibatkan isu pelarian di mana pada awal tahun 1990-an, pelarian-pelarian yang ditempatkan di Pulau Bidong, Terengganu ini telah mengadakan demonstrasi berdarah apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tiba-tiba mengumumkan untuk membawa keluar pelarian-pelarian ini

daripada negara Malaysia untuk ditempatkan ke negara ketiga. Demonstrasi ini menyebabkan Kerajaan Malaysia telah memindahkan mereka ke Kem Sungai Besi. Di kem baru ini, mereka telah mencetuskan rusuhan besar yang berlangsung selama lebih 16 jam pada 5 Jun 1995 sebagai tanda proses dan menyebabkan beberapa kem telah terbakar dan musnah sama sekali serta mengorbankan seorang pelarian dan mencederakan lebih 10 anggota keselamatan yang bertugas dari Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), bomba dan polis hutan (PPH).<sup>18</sup>

Anggota polis juga menemui pelbagai senjata tajam seperti lembing, parang, senapang panah dan pedang yang dihasilkan oleh kumpulan perusuh semasa serbuan dibuat. Setelah beberapa rundingan dengan pelarian-pelarian ini beberapa kali menemui kegagalan, akhirnya Kerajaan melalui MKN dan agensi-agensi lain berjaya menang dalam rusuhan tersebut dan semua perusuh yang terlibat telah ditempatkan di kem tahanan sementara pelarian di Kerayong, Pahang untuk diasingkan dengan pelarian-pelarian yang tidak melakukan rusuhan ini.<sup>19</sup> Akhirnya, kesemua pelarian Vietnam ini berjaya juga dihantar ke negara ketiga dengan pecahan 96.4 peratus ke negara ketiga (Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Perancis, New Zealand, Sweden, Finland, Denmark dan Norway) dan 3.6 peratus kembali ke negara asal (Vietnam).<sup>20</sup>

Selain isu pelarian Vietnam pada era ini, Malaysia juga memberikan perlindungan kepada seramai 3,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari perang saudara di Syria.<sup>21</sup> Kemudian pada tahun 1990-an, beratus orang Bosnia telah diberikan perlindungan suaka di Malaysia rentetan perang saudara di Yugoslavia.<sup>22</sup>

Pelarian Rohingya juga telah mula masuk ke Malaysia bagi mendapatkan perlindungan pada era ini selepas junta tentera Myanmar melaksanakan undang-undang “Burma Citizenship of Law 1982” yang menafikan hak kerakyatan etnik Rohingya dan sekali gus mereka diisyiharkan sebagai “pendatang asing” di tanah air mereka sendiri. Jumlah kehadiran etnik Rohingya juga telah dikesan meningkat sejak tahun 90an sehingga ke tahun ini. MKN membantu menyelaraskan pelarian Rohingya ini dengan UNHCR untuk ditempatkan ke negara ketiga juga.

Krisis keselamatan negara lain yang berlaku semasa era ini juga adalah tragedi runtuhan Kondominium Highland Towers pada 11 December 1993 di mana telah mengorbankan 48 nyawa apabila salah satu blok daripada 3 blok kondominium 12 tingkat telah runtuh akibat hujan berpanjang selama 10 hari yang menyebabkan tembok penahan runtuh. Antara yang terlibat dalam misi mencari dan menyelamat adalah 124 anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), 30 anggota tentera, ratusan anggota polis, bomba dan agensi keselamatan yang lain

serta bantuan dari negara luar iaitu pasukan mencari dan menyelamat dari Britain, Amerika Syarikat dan Perancis.<sup>23</sup>

Dapat dilihat pada era ini, isu keselamatan masih sama menjurus ke arah isu pelarian iaitu daripada negara Vietnam, Myanmar, Syria, Bosnia dan Rohingya di mana agensi yang bertanggungjawab adalah MKN dan KDN. Kesinambungan isu pelarian ini membawa MKN untuk mengeluarkan Arahan MKN No. 23 iaitu Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad UNHCR. Namun ianya dikeluarkan agak lewat pada 24 Ogos 2009. Walau bagaimanapun, bagi isu runtuhan bangunan, ianya tiada unsur jenayah atau sabotaj dan disebabkan kecuaian melibatkan isu-isu pembinaan dan perparitan bangunan tersebut.<sup>24</sup>

MKN telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 19 iaitu Penubuhan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) yang dikeluarkan pada awal era seterusnya iaitu 2 Ogos 1996 bagi menghadapi isu seperti runtuhan bangunan ini. Pada era ini juga, MKN telah mengeluarkan Arahan MKN No. 9 iaitu Pemerintahan dan Kawalan Perkara-Perkara Keselamatan pada 24 September 1974 dan telah dikemaskini menjadi Arahan MKN No. 12 yang dikeluarkan pada 11 Mac 1982 dengan tajuk Arahan yang sama.

Namun, seorang pegawai UNHCR yang tidak mahu namanya didedahkan menyatakan bahawa dalam MKN menguruskan isu berkaitan pelarian, terdapat kelemahan di mana MKN tidak menyimpan data mengenai pelarian. Sepatutnya MKN meminta Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia - DOSM*) untuk mengumpul data UNHCR. Sekiranya tiada data, sukar untuk koordinasi. Beliau melihat MKN tidak meletakkan data sebagai perkara yang penting serta tidak menggunakan peluang yang ada untuk mengumpulkan data. Oleh itu, beliau merasakan MKN perlu disemak semula agar lebih proaktif untuk kekal relevan.<sup>25</sup>

### **BKN dan Isu Keselamatan Bukan Tradisional**

Pada 3 April 1995, Pejabat MKN, JPM telah disusun semula sebagai Bahagian Keselamatan Negara (BKN), JPM yang diketuai oleh Ketua Pengarah BKN. Ketua Pengarah BKN dikenali sebagai Setiausaha BKN, JPM. BKN masih diletakkan di bawah JPM yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan serta mengarahkan tindakan yang diperlukan oleh agensi yang berkaitan. Penyusunan ini juga mewujudkan Bahagian Keselamatan Negeri dan Bahagian Keselamatan Daerah.

Antara krisis-krisis keselamatan negara yang berlaku semasa MKN sebagai BKN adalah insiden Bukit Jenalik pada tahun 2000 di mana berlaku satu pertempuran antara pasukan keselamatan negara dengan kumpulan pengganas yang menggelarkan diri mereka sebagai Al-Maunah, yang berlaku di Bukit Jenalik, Sauk, Perak di mana kumpulan ini merancang untuk menggulingkan kerajaan. Kumpulan ini dianggotai oleh 27 orang di mana mereka telah bertindak melarikan senjata dan ribuan peluru dari kem Rejimen Askar Wataniah di Gerik, Perak. Kumpulan ini akhirnya dapat ditewaskan oleh pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang diketuai oleh Panglimanya ketika itu melalui Op Subuh dengan kerjasama pasukan khas PDRM dengan menyerbu pangkalan Al-Maunah yang berkubu di Sauk. Walau bagaimanapun, 2 anggota keselamatan telah terkorban iaitu seorang anggota TDM dan seorang anggota PDRM.<sup>26</sup> Dapat dilihat pada ketika ini MKN sebagai agensi penyelaras keselamatan negara telah berjaya menyelaras tindakan TDM dan PDRM sehingga ianya berjaya menangani insiden keganasan Bukit Jenalik 2000 oleh pengganas Al-Maunah.

Dalam insiden ini, MKN sangat terlibat melalui penyelarasan dan pengarahan tindakan kepada agensi-agensi di lapangan untuk mengambil tindakan termasuk ATM dan PDRM melalui mesyuarat yang diadakan oleh MKN.<sup>27</sup> MKN menggunakan Arahan MKN No. 18 iaitu mengerahkan pasukan perunding dan pengaktifan Arahan ini.<sup>28</sup>

Aktiviti keganasan seterusnya yang berlaku adalah melibatkan penculikan warganegara Malaysia dan asing di Pulau Sipadan pada 23 April 2000 oleh kumpulan pengganas Abu Sayyaf yang bersenjata dengan membawa tahanan menaiki bot ke Pulau Jolo, di Kepulauan Sulu dari selatan Filipina. Penculikan ini dilakukan bagi tujuan mendapatkan wang tebusan daripada Kerajaan Malaysia. Tahanan terdiri daripada 21 tebusan yang diculik dari sebuah *resort* di Malaysia. Susulan insiden ini, Ketua Pasukan Tugas Khas Anti-Keganasan Filipina iaitu Kolonel Andrelino Colina telah menahan salah seorang anggota kumpulan Abu Sayyaf iaitu Nabil Talahi Idjiran di selatan bandar pelabuhan Zamboanga, Filipina.<sup>29</sup> Antara inisiatif Kerajaan Malaysia adalah membayar sebanyak \$3 juta pada 20 Ogos 2000 kepada kumpulan pengganas bagi membebaskan tiga rakyat Malaysia dari tawanan.<sup>30</sup>

Dalam insiden ini, MKN terlibat dengan mengaktifkan Arahan MKN No. 18 iaitu Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (*Terrorism*). Selain itu, Tajul telah pergi sendiri ke Selatan Filipina untuk mengadakan perundingan bagi melepaskan tebusan, di mana hasil perundingan ini telah membawa kepada pembebasan tebusan-tebusan tersebut. Ketua pengganas iaitu Abu Sayyaf juga dilihat lebih mempertimbangkan Malaysia dengan melepaskan tebusan-tebusan warga Malaysia. Ini adalah disebabkan faktor Malaysia yang juga merupakan

negara Islam.<sup>31</sup> MKN juga menyelaraskannya melalui Operasi Pasir (Ops Pasir) bagi menangani insiden ini.<sup>32</sup>

Susulan daripada insiden ini juga, MKN telah mewujudkan Arahan MKN No. 22 iaitu Arahan Mengenai Pengurusan dan Kawalselia Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang dikeluarkan pada 21 Mei 2008 sebagai panduan bagi menangani sekiranya berlaku lagi penculikan di Pulau Sipadan atau pulau-pulau lain di Malaysia. Insiden-insiden yang melibatkan kegiatan penganas ini juga menyebabkan Arahan MKN No. 18 telah ditambahbaik semula pada 10 Julai 2002, yang menggantikan Arahan asal yang dikeluarkan pada 26 Ogos 1991.

Punca lain penambahbaikan adalah disebabkan oleh insiden 9/11, di mana MKN banyak membuat semakan selepas insiden tersebut berlaku. MKN mula menekankan mengenai ancaman daripada aktor bukan negara (*non-state actor*). Selain itu, MKN juga menambah *chain of command* dan perincian pekerja.<sup>33</sup>

Menurut Tajul, Arahan MKN No. 18 dikeluarkan adalah bagi mengkoordinasikan tindakan pelbagai agensi. Apabila berlaku sesuatu insiden keganasan, perlu ada *chain of command*. Arahan ini membantu menjelaskan fungsi dan peranan agensi-agensi terlibat termasuk agensi awam, polis dan tentera, di mana tidak boleh berlaku semua agensi yang akan mengetuai sesuatu insiden. Oleh itu, Arahan ini telah menetapkan agensi yang akan mengetuai insiden yang berlaku.<sup>34</sup>

Kemudian pada 20 Januari 2011, berlaku insiden rampasan kapal Malaysia oleh lanun *Somalia di Gulf of Aden* di mana seramai 7 orang lanun warga Somalia yang bersenjatakan raifal automatik AK-47 dan pistol telah menyerang dan merampas sebuah kapal dagang MT Bunga Laurel milik Jepun yang disewa oleh Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd (MISC Berhad) yang dalam perjalanan menghantar muatan minyak pelincir dan bahan kimia jenis *ethylene dichloride* dari Asia Barat ke Singapura. Walau bagaimanapun, anggota komando Pasukan Khas Laut (PASKAL), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berjaya menawan semula kapal tersebut dan kesemua 7 lanun Somalia telah ditahan di mana 3 orang daripadanya cedera akibat bertempur dengan PASKAL, TLDM. Kesemua 23 anak kapal warga Filipina yang bertugas di kapal tersebut berjaya diselamatkan. PDRM kemudiannya mengambil alih kes ini bagi proses penahanan dan perbicaraan di Mahkamah.<sup>35</sup>

Dalam insiden ini, MKN juga terlibat melalui pengaktifan Arahan MKN No. 18. Tajul sendiri ketika ini telah menghadiri satu sesi perundingan di Djibouti, Afrika yang bersebelahan dengan Somalia, di mana negara ini telah menjadi fasilitator dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas, yang turut melibatkan seorang perunding daripada Somalia iaitu Rahman, bekas penasihat Presiden Somalia, bagi menyelesaikan insiden ini dan bagi membebaskan kapal yang ditahan ini.

Perundingan ini mengambil masa yang agak lama iaitu selama lapan (8) bulan, di mana Tajul juga berulang alik menghadiri perundingan ini. Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Abdullah bin Ahmad Badawi juga mengarahkan agar kapal dibebaskan segera. Hasil perundingan, dua (2) kapal telah berjaya dibebaskan dalam tempoh 2 bulan, manakala kapal ketiga, yang merupakan kapal terkecil milik syarikat swasta, telah dibebaskan setelah 8 bulan kerana syarikat tidak mampu untuk membayar wang pampasan tinggi yang dikenakan oleh pengganas, melibatkan matawang USD bernilai jutaan ringgit. 2 kapal sebelumnya dimiliki oleh syarikat swasta yang besar dan mampu menyebabkan ianya dibebaskan lebih awal. Insiden ini melibatkan kematian seorang warga Filipina apabila seorang lanun secara tidak sengaja melepaskan tembakan dan terkena mangsa. Tujuan lanun sebenarnya bukan untuk membunuh tetapi lebih kepada mendapatkan wang pampasan.<sup>36</sup>

Dr. Nazira menyokong pernyataan ini dan memaklumkan memang MKN terlibat dan diketuai oleh Tajul ketika itu. Menurutnya, MKN telah mengkoordinasikan strategi dan menghantar Tajul untuk membebaskan rakyat dengan membawa wang tebusan.<sup>37</sup>

Seterusnya pada tahun 2013, berlaku insiden Lahad Datu iaitu seramai 235 pengganas Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah yang bertujuan untuk menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah kesultanan Sulu di mana mereka mendakwa Sabah telah diambil daripada mereka oleh British. Konflik itu diisytiharkan tamat pada 10 April 2013 apabila Perdana Menteri Malaysia dengan kerjasama Menteri Dalam Negeri telah berjaya mengadakan perundingan dengan pengganas-pengganas tersebut yang menggelar diri mereka sebagai Askar Diraja Kesultanan Sulu dan Borneo Utara. Kerajaan Filipina turut membantu membawa mereka balik dan mengusir mereka keluar dari Sabah. Insiden ini telah mengorbankan seramai 12 anggota keselamatan dan 6 orang awam serta 56 pengganas tersebut. Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) juga ditubuhkan pada 7 Mac 2013 susulan insiden ini.<sup>38</sup>

Dalam insiden ini, MKN memang terlibat, di mana *Standard Operating Procedure* (SOP) dan *Terms of Reference* (TOR) bagi penubuhan ESSCOM telah dirangka dan disediakan oleh MKN. Orang ramai dan media tidak mengetahui dan menyatakan penglibatan MKN kerana MKN bertindak di peringkat strategi dan operasi kerahsiaan. Oleh itu, penglibatan MKN memang tidak terdedah dan orang hanya akan melihat penglibatan di lapangan sahaja oleh agensi keselamatan yang lain, di mana tindakan agensi-agensi keselamatan ini juga sebenarnya adalah melalui pengarahan dan penyelarasaran MKN.<sup>39</sup>

Setahun selepas insiden Lahad Datu ini, dunia dikejutkan dengan berlakunya serangan pengganas ke atas pesawat udara Malaysia, yang tidak pernah berlaku sebelumnya iaitu insiden kehilangan kapal terbang Malaysia Airlines (MAS), MH370 pada 8 Mac 2014 yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dijadualkan untuk mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Ibu Kota Beijing. Kerajaan Malaysia kemudiannya menggerakkan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta meminta bantuan antarabangsa termasuk negara Amerika Syarikat (US), Australia, China, Filipina, India, Indonesia, New Zealand, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam untuk misi mencari dan menyelamat. Misi ini melibatkan bantuan dari 11 buah negara, 34 buah pesawat dan 40 buah kapal namun kapal terbang MH370 masih gagal ditemui dan menjadi misteri sehingga kini.

Insiden ini telah menyebabkan semua 227 penumpang dan 12 anak kapal yang hilang dianggap mati. Pada 24 Mac 2014, Kerajaan Malaysia melahirkan kepercayaan bahawa kapal terbang MH370 telah berakhir di selatan Lautan Hindi dengan tiada yang terselamat.<sup>40</sup> Terdapat spekulasi menyatakan kehilangan ini didalangi kumpulan pengganas dari China namun Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Pengangkutan ketika itu menolak spekulasi ini dengan menyatakan tiada dasar kukuh untuk membuktikan ianya benar pengganas.<sup>41</sup>

Kemudian selang 4 bulan sahaja insiden MH370 ini, berlaku satu lagi insiden melibatkan kapal terbang MAS, MH17 iaitu penerbangan penumpang antarabangsa yang dijadual dari Amsterdam ke Kuala Lumpur telah terhempas di Ukraine setelah ditembak jatuh oleh peluru berpandu permukaan ke udara jenis Buk oleh kumpulan pemisah pro-Rusia bersenjata pada 17 Julai 2014 di mana Pusat Media Krisis Ukraine menyatakan bahawa kumpulan pemisah mungkin telah tersalah anggap MH17 sebagai pesawat tentera Ukraine dan menembaknya.

Walau bagaimanapun, tiada pihak sama ada kumpulan pemisah, tentera Ukraine atau pun Rusia yang mengaku terlibat dengan insiden ini.<sup>42</sup> Insiden ini telah menyebabkan semua 283 penumpang dan 15 anak kapal dalam kapal terbang tersebut terkorban.<sup>43</sup> Agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan adalah MKN, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Pasukan Mencari Menyelamat Khas Malaysia (SMART), PDRM, Pasukan Petugas Udara Khas Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), DCA, Jabatan Kimia, Jabatan Agama Islam Malaysia, Pasukan Pengesanan Mangsa dan Bencana serta agensi media yang terlibat.<sup>44</sup>

Bagi kapal terbang MH370, apabila ianya hilang, ia tidak boleh dikategorikan sebagai aktiviti keganasan dan hanya diuruskan oleh *Department of Civil*

*Aviation* (DCA). Namun, MKN juga berusaha membantu melalui pelbagai inisiatif termasuk mengenalpasti radar yang menyebabkan lokasi akhir kapal terbang tersebut dikenalpasti. Berlainan dengan MH17 yang boleh dikalisifikasikan sebagai aktiviti keganasan namun ianya berlaku bukan dalam negara, tetapi luar negara. Dalam insiden MH17, pegawai-pegawai MKN termasuk tentera yang ditempatkan di MKN telah pergi ke lokasi di mana kapal terbang tersebut terhempas bagi mendapatkan kotak hitam dan ianya berjaya ditemui. Pegawai-pegawai MKN yang terlibat kemudiannya membawa balik kotak hitam tersebut bagi menyiasat punca sebenar insiden ini berlaku. Setelah itu, barulah proses seterusnya diambil di mana pelaku yang menembak kapal terbang MH17 telah di bawa ke Mahkamah dan dijatuhi hukuman. Keganasan ini bermotifkan politik.<sup>45</sup>

MKN terlibat melalui penghantaran pegawainya iaitu Kol. Sakri dan Khairil Hilmi ke kawasan kejadian dan mereka telah berjaya dalam perundingan. Khairil Hilmi memantau dari kawasan luar lokasi iaitu hotel untuk memberikan arahan, sementara Kol. Sakri bersama-sama dengan 12 anggota tentera, polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA) turun ke lapangan untuk menjalankan rundingan. Kotak hitam yang berjaya diperolehi ketika itu diawasi pergerakannya dan disebabkan itu kawasan tersebut hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh masuk. Alexander Borodai, bekas pemimpin kumpulan pemisah pro-Rusia memang menghormati Malaysia. Imej Malaysia yang baik ini sangat membantu untuk operasi MH17 tetapi berkaitan MH360, MKN tidak dapat mengatogerikannya.<sup>46</sup>

Berdasarkan kepada insiden-insiden yang berlaku, dapat dilihat bentuk krisis/ancaman keganasan yang melanda negara adalah melibatkan isu pengganas dengan matlamat menggulingkan kerajaan dan penculikan bagi mendapatkan wang tebusan, lanun laut, perebutan negara dan bencana udara. Ancaman keselamatan yang berlaku melibatkan isu pengganas dari negara luar juga telah mengakibatkan kerugian aset kerajaan (senjata yang dirampas) dan duit kerajaan (wang tebusan) serta lanun laut yang melibatkan kapal yang disewa oleh syarikat swasta Malaysia.

Dalam isu lanun laut dan perebutan negara juga, dilihat matlamat pengganas adalah berbeza. Bagi dua bencana udara yang berlaku, ianya telah merugikan syarikat penerbangan Malaysia iaitu MAS dan nyawa rakyat Malaysia serta negara lain yang majoriti warganegara China juga terkorban. Walau bagaimanapun, salah satu bencana udara yang berlaku iaitu MH17 adalah berpunca dari konflik di antara negara-negara lain namun kapal terbang dan rakyat Malaysia termasuk beberapa rakyat negara lain yang menjadi mangsa keadaan walaupun tiada pengakuan di buat oleh pihak luar. Jelas terlihat bahawa krisis/ancaman keganasan menjadi lebih pelbagai mengikut peredaran era dan

turut menjadi perhatian Kerajaan Malaysia kerana kerugian negara serta kecederaaan dan nyawa rakyat terkorban.

MKN memainkan peranan dalam mengeluarkan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara sebagai panduan bagi menangani krisis dan ancaman keganasan melalui pengemaskinian Arahan MKN No. 18 (keganasan), pewujudan Arahan MKN No. 22 (Pulau Sipadan dan Ligitan) dan pada 4 Mac 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Jabatan Peguam Negara berbincang dengan MINDEF mengenai peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada ATM untuk turut terlibat dalam tindakan mencegah kegiatan keganasan.

Berdasarkan insiden-insiden keganasan yang berlaku ini, dari perspektif penglibatan MKN, dapat dilihat MKN lebih berperanan dalam menggubal/mengeluarkan dasar dan perundangan berkaitan mekanisme untuk menangani insiden-insiden keganasan ini. Selain itu, MKN juga proaktif dalam menyelaras tindakan-tindakan oleh agensi-agensi keselamatan lain khususnya KDN, PDRM dan ATM. Namun walaupun peranan dan tanggungjawab MKN adalah di peringkat strategik dan dasar atau sebagai agensi penyelaras, MKN juga telah menghantar pegawai-pegawaiannya untuk turun ke lokasi kejadian bagi melakukan perundingan dan membantu mencari bahan bukti serta sekaligus membantu agensi-agensi lain yang bertugas di lapangan.

### **Peranan MKN Bagi Tempoh Tahun 2018 Sehingga 2021 Sebagai Penyelaras Isu Pandemik COVID-19**

Menjelang penularan wabak pandemik global iaitu Covid-19 yang melanda Malaysia pada awal tahun 2020, fungsi MKN telah berkembang. Bidang tugas menguruskan krisis Covid-19 dibahagikan di antara MKN, NADMA, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), KLN, JIM, PDRM, ATM dan hampir semua agensi-agensi kerajaan yang lain. Susulan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bil. 1/2020 yang diadakan pada 16 Mac 2020, MKN dikenalpasti sebagai agensi penyelaras utama yang menentukan tindakbalas negara dalam menangani penularan wabak Covid-19.

Dapat dilihat perkembangan fungsi dan peranan MKN daripada menjaga keselamatan negara dari aspek perbalahan kaum sehingga kini menjaga krisis negara dari aspek kesihatan wabak pandemik Covid-19. Perkembangan fungsi dan peranan MKN ini selari dengan perubahan ancaman kontemporari global yang melanda dunia.

Dalam menyealaras pandemik Covid-19, MKN telah menubuuhkan kumpulan-kumpulan kerja dalaman yang menfokuskan kepada tugas menangani pandemik Covid-19. Kumpulan-kumpulan kerja pada mulanya dibahagikan mengikut kluster seperti kluster inter-agensi yang bertanggungjawab menyealaras pertanyaan dan permohonan daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk syarikat-syarikat swasta juga, kluster *Inter-State* yang bertanggungjawab menyealaras isu-isu di negeri, kluster Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure - SOP*) yang mengeluarkan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kluster komunikasi yang bertanggungjawab untuk memantau isu-isu berkaitan viral dan siaran-siaran di media termasuk media sosial, kluster pusat panggilan (*call centre*) yang menyealaras pertanyaan dan maklumbalas orang awam dan kluster pematuhan SOP yang bertanggungjawab untuk menyealaras pemantauan pematuhan SOP oleh rakyat bersama dengan agensi-agensi keselamatan yang lain. MKN juga bertindak sebagai urusetia kepada mesyuarat penyealarasan PKP di peringkat tertinggi yang melibatkan Menteri-Menteri dan di peringkat jawatankuasa teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari semua agensi dan kementerian yang terlibat dalam menangani pandemik Covid-19.

Apabila kes jangkitan Covid-19 semakin meningkat, Perdana Menteri ketika itu, Muhyiddin Yassin telah mengisyiharkan Darurat bagi seluruh Persekutuan berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, yang mana sebelumnya beliau telah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong. Pengisytiharan darurat ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung gejala wabak Covid-19 dan meningkatkan penguatkuasaan keselamatan dan ketenteraman awam.<sup>47</sup> Satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat telah ditubuhkan untuk memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat.<sup>48</sup> Segala keputusan-keputusan sepanjang pelaksanaan darurat dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat dan akan diangkat untuk persetujuan Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, Yang di-Pertuan Agong sebelumnya juga telah memperkenankan pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang dianggotai oleh ahli-ahli parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar-pakar kesihatan dan yang berkaitan.<sup>49</sup> Yang di-Pertuan Agong juga memaklumkan bahawa Jawatankuasa Bebas ini akan mengesyorkan kepada beliau sekiranya pelaksanaan darurat dapat ditamatkan lebih awal. Proklamasi darurat yang diisyiharkan bukan satu bentuk rampasan kuasa tentera dan perintah berkurung juga tidak dilaksanakan. Dalam tempoh darurat, jentera pentadbiran kerajaan persekutuan dan negeri serta aktiviti ekonomi, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti tetap boleh berfungsi.<sup>50</sup> Walau bagaimanapun, Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Kecil tidak akan diadakan sepanjang tempoh darurat.<sup>51</sup>

Langkah lain yang dilaksanakan oleh MKN dalam menguruskan pandemik Covid-19 adalah dengan menyelaras penubuhan *National Task Force* (NTF) pada 6 Mei 2021 di mana salah satu peranan NTF adalah pelaksanaan Operasi Benteng (Ops Benteng) yang diaktifkan pada 12 Mei 2020 sebagai usaha pihak kerajaan untuk mengekang jenayah rentas sempadan serta memperkuatkuahkan dan memperkasakan kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI yang bertujuan untuk membendung penularan wabak Covid-19. NTF turut diwujudkan bagi menyelaras operasi secara bersepada melibatkan 19 buah agensi keselamatan dan penguatkuasaan di sempadan negara, dengan 4 agensi utama iaitu ATM, PDRM, APMM dan JIM, melalui tiga (3) komponen iaitu operasi maritim, operasi darat dan operasi udara.<sup>52</sup>

Ops Benteng telah berjaya membantu membendung kemasukan PATI ke dalam negara dengan jumlah keseluruhan PATI dan tekong yang ditahan bermula pada tempoh Ops Benteng dilaksanakan sehingga 19 Mei 2021 adalah seramai 15,586 PATI dan 1,049 orang tekong. MKN turut menyelaras perbincangan bagi menyelesaikan isu dan masalah berkaitan perjawatan, peruntukan dan aset-aset dalam pelaksanaan operasi-operasi di bawah NTF.<sup>53</sup>

Kemudian semasa Perdana Menteri telah bertukar di bawah pemerintahan Ismail Sabri Yaakob, MKN bersama-sama KKM telah menyelaras pelaksanaan program vaksinasi. Seterusnya pada 1 April 2022, sempadan yang ditutup sebelum ini akibat pandemik Covid-19 telah dibuka semula.<sup>54</sup> Perkara ini menunjukkan bahawa MKN sebagai penyelaras pandemik Covid-19 berjaya menyelarasnya dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan, terdapat juga cabaran dan kelemahan dalam penyelaras MKN seperti kelemahan dalam aspek koordinasi antara agensi yang menimbulkan kekeliruan dan ketidaktahtuan di kalangan rakyat terhadap peranan dan tanggungjawab MKN serta agensi-agensi yang lain. Kekeliruan timbul semasa MKN menjadi penyelaras Pandemik Covid-19. Sebagai contoh, kelulusan permohonan ke luar negara dan masuk ke dalam negara semasa tempoh PKP selalu disalurkan ke MKN walaupun sebenarnya ia perlu disalurkan kepada JIM. Begitu juga dengan permohonan pengecualian kuarantin yang mana ianya sepatutnya disalurkan kepada NADMA tetapi disalurkan ke MKN. Permohonan kemasukan jet persendirian dan kapal terbang masuk ke dalam negara dan ke luar negara juga disalurkan ke MKN walaupun ianya sepatutnya disalurkan ke MOT. Begitu juga dengan permohonan merentas daerah dan negeri yang sepatutnya disalurkan kepada PDRM tetapi disalurkan ke MKN.

Kekeliruan juga terhadap kebenaran beroperasi bagi pejabat dan pusat perniagaan yang sepatutnya disalurkan ke MITI tetapi disalurkan kepada MKN. Kekeliruan

dalam peranan dan fungsi MKN menangani Pandemik Covid-19 di antara MKN dengan KKM juga berlaku.<sup>55</sup> Walaupun MKN dan agensi lain telah membuat pemakluman bidang tugas melalui pelbagai saluran termasuk di telegram, berita dan media sosial serta mewujudkan pusat panggilan MKN di setiap agensi kerajaan terlibat, namun ianya masih menjadi kekeliruan rakyat.

Kekeliruan oleh rakyat dan di kalangan agensi-agensi sendiri terhadap perbezaan fungsi dan peranan MKN dengan Kementerian/Agensi lain adalah disebabkan MKN merupakan agensi yang bertindak di belakang tabir. MKN mempunyai kuasa untuk mengkoordinasikan agensi tetapi MKN tidak perlu ditonjolkan. Agensi tidak akan bergerak sendiri dan memang akan merujuk kepada MKN terlebih dahulu. Selain itu, ianya bergantung kepada kepimpinan yang memimpin MKN tersebut. Sekiranya dipimpin oleh yang tidak berpengetahuan, maka tidak akan tahu apa keputusan yang tepat perlu dibuat.<sup>56</sup>

Kelemahan juga adalah berkaitan perebutan kuasa (*power struggle*) antara Kerajaan. Isu ini selalu dibangkitkan di peringkat Mesyuarat Teknikal dan Sidang Darurat. Sebagai contoh NTF yang diketuai oleh ATM, tidak disenangi oleh PDRM dan mereka tidak berapa memberikan kerjasama, dengan menyatakan bahawa mereka ingin menfokuskan kepada sekatan jalan raya (SJR) dan lain-lain. Isu juga berkaitan peralihan fasa PKP yang mana rakyat keliru terhadap pergerakan yang boleh dibuat.<sup>57</sup>

Terdapat juga cabaran dalam perkongsian maklumat. Kemungkinan disebabkan agensi-agensi tidak memahami impak atau disebabkan masalah komunikasi dan kekangan masa. Perkongsian maklumat memang perlu kerana untuk MKN membuat keputusan bagi agensi-agensi yang lain, memerlukan maklumat yang lengkap dan pantas. Selain itu, perkongsian maklumat kini masih secara manual, di mana agak sukar untuk maklumat dikumpul secara sistematik.<sup>58</sup>

Kemudian terdapat kelemahan dalam komunikasi. Perlu tingkatkan komunikasi antara agensi dengan komuniti. Banyak perkara yang boleh dibuat untuk meningkatkannya seperti mengambil pengalaman dan kepakaran swasta dari aspek bagaimana meningkatkan komunikasi dengan masyarakat, mengambil peluang yang ada serta banyak lagi inisiatif melalui media sosial dan sebagainya. Kerajaan perlu fokus kepada isu *miss information* dan perlu mengambil pendekatan dan strategi bagaimana untuk menanganinya. Selain itu, Kerajaan harus meningkatkan cara berkomunikasi dengan masyarakat serta sentiasa peka dan bersikap ambil tahu.<sup>59</sup> MKN perlu membantu menyelaras perkara ini.

Berlaku juga masalah penyelarasan antara MKN pusat dengan MKN negeri di mana terdapat campurtangan daripada Kerajaan Negeri yang menyukarkan penyelarasan. Kerajaan Negeri kebiasaannya mempunyai pandangan dan

perundangan/peraturan tersendiri yang perlu dipatuhi oleh MKN negeri dan mengekang MKN negeri untuk memenuhi atau mematuhi sepenuhnya peraturan yang telah ditetapkan oleh MKN pusat. Campurtangan Kerajaan Negeri juga menyebabkan kekeliruan kepada rakyat terhadap ketidakseragaman peraturan yang ditetapkan antara MKN. Selain itu, berlaku juga isu MKN negeri yang bertindak tanpa merujuk terlebih dahulu dengan MKN pusat yang menyebabkan wujud masalah kerana sebarang isu yang timbul selalunya MKN pusat yang perlu bertanggungjawab menyelesaiannya atau menjawab kepada permasalahan tersebut. Isu penyelarasannya juga terserlah dalam pengurusan Pandemik Covid-19 di mana peraturan yang ditetapkan antara MKN pusat dan negeri terdapat perbezaan.

Jika dilihat kesan campurtangan politik ke atas keberkesanan pengurusan krisis/ancaman Pandemik Covid-19 oleh MKN, Menteri Kesihatan mengutamakan kesihatan rakyat, manakala Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengutamakan ekonomi dan pendapatan (periuk nasi) pihak industri, sedangkan industri merupakan antara penyebab peningkatan jangkitan wabak Covid-19. Kemudian campurtangan politik melalui pelaksanaan pilihan raya di negeri Sabah juga menyebabkan peningkatan kadar jangkitan, walaupun MKN telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* mengenai perkara ini.<sup>60</sup>

Selain itu, perubahan-perubahan fungsi dan peranan MKN dalam menguruskan Pandemik Covid-19 juga telah menambahkan bebanan tugas MKN, di mana mesyuarat dan perbincangan juga dilaksanakan hampir setiap hari. Situasi ini menyebabkan kakitangan dan pegawai MKN sedia ada di pusat ataupun negeri tidak dapat menampung pertambahan tugas yang berganda ini.

Terdapat juga isu berkaitan berita palsu (*fake news*). Apabila MKN telah mula melaksanakan Program Vaksinasi, pelbagai isu yang wujud oleh kumpulan-kumpulan anti-vaksin.<sup>61</sup>

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perubahan dan perkembangan fungsi dan peranan MKN telah memperkuuhkan kedudukan MKN sebagai agensi penyelaras utama keselamatan negara. Jika dilihat kepada kemampuan MKN, memang terbukti bahawa MKN mampu melaksanakan fungsinya bermula dari penubuhannya sebagai MAGERAN yang mampu menangani isu ketenteraman awam/perkauman, kemudian dalam membantu menyelaras isu berkaitan keganasan/penculikan bagi mendapatkan wang tebusan, pelarian, lanun laut, bencana udara, pencerobohan bagi perebutan negara Malaysia, sehingga

menjadi penyelaras dalam menangani isu kesihatan iaitu pandemik Covid-19. Namun, bagi memastikan MKN terus menjadi sebuah agensi induk yang lebih kukuh dan efektif, MKN perlu melakukan perubahan atau reformasi bagi menangani cabaran dan kelemahan yang wujud, sama seperti yang telah dilaksanakan oleh MKN negara lain.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jurnal Kajian Malaysia yang membantu penerbitan artikel ini. Penghargaan juga kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada MKN, JPNIN, KKM dan NADMA serta pihak swasta daripada Petronas dan MAHB dan NGO/rakyat daripada Yayasan Ikhlas dan UNHCR yang sudi ditemu bual.

## NOTA

1. Azizah Hamzah. 2010
2. Kamarul Azmi Jasmi. 2012
3. Temu bual dengan Rodzi, MKN
4. Temu bual dengan Kaisan, Petronas
5. Temu bual dengan Ahmad Harris, MAHB
6. Temu bual dengan pegawai UNHCR
7. Temu bual dengan Kamaruddin, NGO Yayasan Ikhlas
8. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
9. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
10. Temu bual dengan Rodzi, MKN
11. Laman Web Rasmi MKN
12. Dokumen Rasmi MKN
13. Kay Suhaimi. 8 April 2018
14. Kay Suhaimi. 8 April 2018
15. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
16. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
17. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
18. Laman Sosial MKN (*facebook*)
19. Laman Sosial MKN (*facebook*)
20. Dokumen Rasmi MKN
21. mStar. 14 Disember 2015
22. Dokumen Rasmi MKN
23. Amir MS. 30 September 2017
24. Roznah Abdul Jabbar. 7 Oktober 2020

25. Temu bual dengan pegawai UNHCR
26. Bernama. 19 September 2019
27. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
28. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
29. mStar. 24 April 2014
30. Amit Baruah. 19 August 2000
31. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
32. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
33. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
34. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
35. Joshua Foong. 31 Januari 2011
36. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
37. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
38. Raiham Mohd Sanusi. 22 September 2020
39. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
40. mStar. 8 Mac 2015
41. Radzi Razak. 10 Mac 2014
42. mStar. 13 Oktober 2015
43. Malaysia Kini. 23 Julai 2014
44. mStar. 19 Julai 2014
45. Temu bual dengan Tajul Ariffin, MKN
46. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
47. Astro Awani. 12 Januari 2021
48. Rafidah Mat Ruzki. 16 Januari 2021. BH Online
49. Ismail Mat. 9 Februari 2021. BH Online
50. BH Online. 12 Januari 2021
51. Fareez Azman. 17 Januari 2021
52. Dokumen Rasmi MKN
53. Dokumen Rasmi MKN
54. 24 Mac 2022. Kenyataan Media Perdana Menteri Malaysia dan Singapura
55. Temu bual dengan Addyhanis, NADMA
56. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
57. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
58. Temu bual dengan Dr. Mahesh, KKM
59. Temu bual dengan Dr. Mahesh, KKM
60. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN
61. Temu bual dengan Dr. Nazira, JPNIN

## **RUJUKAN**

- \_\_\_\_\_. 24 April 2014. Anggota Abu Sayyaf Terlibat Insiden Penculikan Pada 2000 Ditahan. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/04/24/abu-sayyaf>
- \_\_\_\_\_. 19 Julai 2014. MH17: MAS Dedah Senarai Nama Penumpang. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/07/19/senarai-nama-penumpang-mh17>
- \_\_\_\_\_. 23 Julai 2014. Teks penuh usul mengenai tragedi MH17. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/news/269670>
- \_\_\_\_\_. 8 Mac 2015. Memori MH370: Kronologi. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/03/08/kronologi-mh370>
- \_\_\_\_\_. 13 Oktober 2015. Kronologi Tragedi MH17: Malaysia Tuntut Keadilan. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/10/13/kronologi-tragedi-mh17>
- \_\_\_\_\_. 14 Disember 2015. Pasukan Petugas Khas Saring Kemasukan Pelarian Syria – KDN. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/12/14/saringan-pelarian-syria-kdn>
- \_\_\_\_\_. 19 September 2019. Tak Dapat Lupa Tragedi Al-Maunah. Bernama. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/498259/tak-dapat-lupa-tragedi-al-maunah>
- \_\_\_\_\_. 2020. Facebook Majlis Keselamatan Negara (MKN). Tragedi Pulau Bidong 1990-an. Ditulis semula oleh Azizi Rahman pada 23 April 2020. <https://ohbulan.com/tragedi-pulau-bidong-kisah-pelarian-vietnam-besar-kepala-selepas-selesa-tinggal-di-malaysia>
- \_\_\_\_\_. 2021. Arahan-Arahan MKN. Dokumen Rasmi MKN Terhad.
- \_\_\_\_\_. 2021. Corporate Info. Department. Laman Web Jabatan Perdana Menteri. <https://www.jpm.gov.my/en/category/33-departments-agencies-under-pmd/87-department-page-3>
- \_\_\_\_\_. 2021. Pengenalan Ringkas Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri & Keselamatan Negara (Isu dan Cabaran). Slide Pembentangan oleh pengkaji semasa dalam perkhidmatan: Dokumen Rasmi MKN Terhad.
- \_\_\_\_\_. 2021. Sejarah. Laman Utama. Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sejarah-mkn/>
- \_\_\_\_\_. 12 Januari 2021. Teks penuh Pengumuman Khas Darurat oleh PM Muhyiddin. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/teks-penuh-pengumuman-khas-darurat-oleh-pm-muhyiddin-277288>
- \_\_\_\_\_. 12 Januari 2021. Teks ucapan Pengumuman Khas Darurat oleh PM. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775260/teks-ucapan-pengumuman-khas-darurat-oleh-pm>
- \_\_\_\_\_. 24 Mac 2022. Kenyataan Media Bersama Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia dan Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/KENYATAAN-MEDIA-PEMBUKAAN-SEMPADAN-DARAT-MALAYSIA-SINGAPURA.pdf>
- Amir MS. 30 September 2017. Laman Iluminasi. <https://iluminasi.com/bm/6-runtuhan-bangunan-paling-dasyhat-di-malaysia.html>

- Amit Baruah. 19 August 2000. Rebels decline to free hostages. The Hindu. Chennai, India.

Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. Jurnal Pengajian Media Malaysia 6(1): 1-12.

Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/DASAR-KESELAMATAN-NEGARA-2021-2025.pdf>

Demarest, Heidi B. & Borghard, Erica D. (pnyt.). 2018. US National Security Reform: Reassessing the National Security Act of 1947. Oxon & New York: Routledge.

Fareez Azman. 17 Januari2021. Ini yang anda perlu tahu mengenai Proklamasi Darurat. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ini-yang-anda-perlu-tahu-mengenai-proklamasi-darurat-278232>

Fukushima, Mayumi & Samuels, Richard J. 2018. Japan's National Security Council: filling the whole of government? International Affairs 94(4): 773-790. Doi: 10.1093/ia/iiy03.

Ishak Saat. Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976. Jurnal Perspektif 6(3): 122-137

Ismail Mat. 9 Februari 2021. 19 dilantik anggota Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/784614/19-dilantik-anggotai-jawatankuasa-khas-bebas-darurat-2021>

Joshua Foong. 31 Januari 2011. 7 Lanun Somalia Tiba Di Malaysia Untuk Diadili. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/01/31/7-lanun-somalia-tiba-di-malaysia-untuk-diadili>

Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan data dalam Penyelidikan Kualitatitif. Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif. Universiti Teknologi Malaysia.

Kaynar, Aysegul Kars. 2017. Making of military tutelage in Turkey: The National Security Council in the 1961 and 1982 Constitutions. Turkish Studies 19(3): 451-481. Doi: 10.1080/14683849.2017.1387055.

Kay Suhaimi. 8 April 2018. Krisis Tebusan Bangunan AIA (Jalan Ampang). 1975 Oleh Militan Pengganas Jepun. Iluminasi. <https://iluminasi.com/bm/krisis-tebusan-bangunan-aia-oleh-tentera-merah-jepun.html>

Mohd Sohaimi Esa & Romzi Ationg. 2020. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN): Usaha Memulihkan Semula Keamanan Negara Malaysia. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities 5(12): 170 – 178.

Nor Azlah Sham Bt Rambely & Rashidah Mamat. 2017. Tragedi 13 Mei 1969: Satu Laporan Bersumberkan Rekod Foreign and Commonwealth Office. International Journal of Law, Government and Communication 2(6): 139-154.

Nor Azlah Sham Rambely & Mohamed Ali Haniffa. 23 – 24 April 2018. Dinamika Pembentukan Komuniti Dalam Sejarah Malaysia: Pelajaran Dari Peristiwa 13 Mei 1969. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Parker, Celia G. 2020. The UK national security council and misuse of intelligence by policy makers: reducing the risk? Intelligence and National Security 35(7): 990-1006. <https://doi.org/10.1080/02684527.2020.1780023>.

- Rafidah Mat Ruzki. 16 Januari 2021. Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat ditubuhkan. BH Online.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/776842/jawatankuasa-teknikal-pengurusan-darurat-ditubuhkan>
- Radzi Razak. 10 Mar 2014. Menteri tolak teori angkara pengganas. Malaysia Kini.  
<https://www.malaysiakini.com/news/256650>
- Raiham Mohd Sanusi. 22 September 2020. Peristiwa Lahad Datu sejarah hitam Malaysia. Sinar Harian.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/102150/BERITA/Nasional/Peristiwa-Lahad-Datu-sejarah-hitam-Malaysia>
- Roznah Abdul Jabbar. 7 Oktober 2020. 27 Tahun Selepas Highland Tower Runtuh, Projek Cerun Masih Berisiko Tinggi. Malaysia Now.  
<https://www.malaysianow.com.my/news/2020/10/07/27-tahun-selepas-highland-tower-runtuh-projek-cerun-masih-berisiko-tinggi>
- Temu bual dengan Addyhanis Ahamad, Pengarah Seksyen Penyelarasan Operasi NADMA dan bekas Pengarah Bahagian Pengurusan Sempadan Darat (BPSD), MKN, 13 Julai 2022 di Putrajaya.
- Temu bual dengan Ahmad Harris Azizool Arif, Pengurus Kanan (Pegawai Khas Kepada Pengarah Urusan), Pejabat Pengarah Urusan, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), 31 Januari 2023 di Cyberjaya, Selangor.
- Temu bual dengan Kaisan Kassim, Pengurus Sokongan Strategik, Bahagian Keselamatan Kumpulan Petronas, 31 Januari 2023 di Bangi, Selangor.
- Temu bual dengan Kamaruddin Kassim, Pengarah Bahagian Korporat, Yayasan Ikhlas, 2 Februari 2023 di Bangi, Selangor.
- Temu bual dengan Dr. Mahesh Appannan, Head of Data, Crisis Preparedness & Response Centre (CPRC), yang merangkap Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 19 Januari 2023 di Putrajaya.
- Temu bual dengan Dr. Nazira Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta bekas Pengarah Bahagian Korporat dan Dasar (BKD), MKN, 10 Januari 2023 di Putrajaya.
- Temu bual dengan pegawai *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), nama responden minta untuk tidak didekahkan, *Assistant Education Officer / Head of Education*, 7 Februari 2023 di Kuala Lumpur.
- Temu bual dengan Rodzi Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, 14 Julai 2022 di Putrajaya.
- Temu bual dengan Tajul Ariffin Muhamad, Pengarah Bahagian Pengurusan Krisis Dan Perisikan Negara (BPPKN), MKN, 10 Januari 2023 di Putrajaya.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2008. Isu-Isu Keselamatan Sabah Dan Impak Kepada Malaysia. Jati-Journal of Southeast Asian Studies 13: 49-68.